

# Generasi muda perlu bersyukur

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan generasi muda mengenai pentingnya menguasai ilmu pendidikan dan ekonomi bagi menyelamatkan ke-tuanan Melayu.

Perdana Menteri berkata, generasi muda juga perlu bersyukur dan berterima kasih kepada orang yang pernah membantu mereka serta tidak terpengaruh dengan fitnah pembangkang.

“Sekarang ini, ada orang menganjurkan supaya kita tidak perlu berterima kasih kepada orang yang membantu (membantu) sesuatu kerana kalau orang itu tidak menyampaikan, orang lain akan berbuat demikian,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis berbuka puasa, tahlil dan sembahyang berje-maah bersama kira-kira 300 pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan ahli Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara) di Sri Perdana, Putrajaya baru-baru ini.

Laporan sedutan ucapan itu disiarkan oleh Umno.online iaitu laman web milik Umno hari ini.

Dr Mahathir juga dipetik sebagai berkata bahawa

BH 21 DEC 2000  
**Generasi muda juga perlu berterima kasih kepada orang yang pernah membantu mereka serta tidak terpengaruh dengan fitnah pembangkang**

beliau menyerahkan kepada penentuan Allah segala putar-belit pembangkang ke atas ucapannya sebelum ini termasuk ketika perhimpunan agung Umno yang lalu.

“Setiap kebaikan dan kejahatan perbuatan kita akan dibalas setimpal oleh Allah suatu hari nanti. Saya percaya mereka akan mendapat balasan atas apa yang mereka lakukan selama ini,” katanya merujuk kempen pembangkang yang mendakwa Perdana Menteri menyuruh rakyat tidak berterima kasih kepada Nabi Muhammad.

“Sekiranya fahaman ini betul, maka kita juga tidak perlulah berterima kasih kepada Nabi Muhammad kerana kalau Rasulullah tidak menyampaikan Islam, orang lain akan menyampaikannya. Adakah ini patut? Sudah tentu tidak,” katanya.

Beliau berkata, ummah perlu berterima kasih kepada Nabi Muhammad sebagai orang yang me-

nyampaikan ajaran Islam dan ajaran Islam juga mengajar umatnya bersyukur kepada Allah serta berterima kasih kepada orang yang membantu mereka. Presiden Umno itu berkata, ucapannya yang menyen-tuh mengenai isu berkaitan dalam perhimpunan agung parti itu diputar-belitkan oleh orang tertentu yang memberi gambaran negatif.

Beliau berkata, pembangkang memetik ucapannya di luar konteks sebenar dan menggambarkannya seolah-olah menghina Islam, dengan niat jahat.

Menurut umno.online, selain memutar-belitkan kenyataan Dr Mahathir, pembangkang turut menaburkan fitnah dan dak-yah pelbagai isu termasuk menabur dak-yah kononnya Perdana Menteri tidak dapat mengerjakan haji semasa ke Makkah; tidak sembahyang dan menyimpan berhala serta pelbagai lagi tuduhan jahat.